

**UCAPAN ALUAN NAIB CANSELOR  
MAJLIS PERASMIAN KEJOHANAN SUKAN MUHIBBAH 4 PENJURU  
Y.BHG. BRIG. JEN. PROF. DATUK SERI PANGLIMA  
DR. KAMARUZAMAN BIN HJ. AMPON  
26 MAC 2010**

Bismillahirahmanirahim.  
Terima Kasih Saudara/I Pengacara Majlis

**Yang Berhormat Datuk Peter Phang En Yin**  
Timbalan Ketua Menteri Sabah Merangkap  
Menteri Belia Dan Sukan Sabah

**Yang Berhormat Datuk Sukarti Wakiman**  
Setiausaha Kerajaan Negeri Sabah

**Y.Bhg. Tan Sri Datuk Seri Panglima Datu Khalil Hj. Jamalul**  
Pengarah Yayasan Sabah

**Y.Bhg. Datuk Iliyas Ibrahim**  
Mayor, Dewan Bandaraya Kota Kinabalu

**Y. Brs. En. Abdullah Hj. Mohd Said**  
Pendaftar UMS Merangkap Pengerusi Jawatankuasa Pengelola  
Kejohanan Sukan Muhibbah 4 Penjuru Yang Pertama

Pegawai – Pegawai Utama UMS

Ketua – Ketua Jabatan DBKK , Yayasan Sabah, Jabatan Ketua Menteri Dan UMS

Pengurus - Pengurus, Jurulatih – Jurulatih , Atlit - Atlit Yang Mengambil Bahagian  
Tuan – Tuan Dan Puan – Puan Sekalian

Assalamualaikum Warahmatullahi Wabarakatuh dan Salam Satu Malaysia  
Terlebih dahulu saya ingin memanjatkan kesyukuran ke hadrat Ilahi kerana kita diberikan  
ruang untuk bersama dalam merealisasikan Majlis Sukan Muhibbah 4 penjuru yang  
diadakan buat julung – julung kalinya ini.

Saya mengambil kesempatan ini untuk mengucapkan setinggi tinggi penghargaan kepada  
Yang Berhormat Datuk Peter Pang, Timbalan Ketua Menteri Sabah merangkap Menteri  
Belia Dan Sukan Sabah atas kesudian menghadiri majlis perasmian Sukan Muhibbah ini  
mewakili Yang Amat Berhormat Datuk Seri Ketua Menteri Sabah.  
Sesungguhnya kami semua rasa berbangga dan berterima kasih atas kehadiran Yang  
Berhormat Datuk.

Ucapan setinggi – tinggi penghargaan juga kepada Y.Bhg. Datuk Sukarti Wakiman,  
Setiausaha Kerajaan Negeri Sabah, Y.Bhg. Tan Sri Datuk Seri Panglima Datu Khalil Datu  
Hj. Jamalul Pengerusi Yayasan Sabah, Y.Bhg. Datuk Iliyas Ibrahim, Mayor Bandaraya Kota  
Kinabalu atas masa dan ruang yang diberikan untuk bersama – sama dengan kita semua  
pada malam yang mulia ini .

Y.Bhg. Tan Sri, Datuk – Datuk , Tuan – Tuan Dan Puan – Puan Sekalian

Sesungguhnya idea untuk menganjurkan Kejohanan Sukan Muhibbah terbit apabila memikirkan pentingnya hubungan dan saling keberkaitan antara semua institusi yang terbabit dalam kejohanan ini. Hubungan dan jaringan yang lebih rapat dan akrab perlu dibina bagi memudahkan sebarang kerjasama dalam pelbagai aspek. Mengambil kira faktor inilah UMS mengambil inisiatif dengan memperuntukan sejumlah bajet untuk merealisasikan kejohanan ini agar wujudnya jambatan perhubungan yang lebih erat dikalangan kita semua.

Disamping itu, penganjuran kejohanan muhibbah sebegini sudah pasti dapat memupuk nilai – nilai dan semangat perpaduan dikalangan warga bagi keempat Institusi yang terlibat dalam kejohanan ini. Sejajar dengan itu juga perpaduan yang sedia terjalin akan lebih kukuh bagi mewujudkan suasana negara yang lebih aman, selamat dan makmur apabila adanya interaksi melalui sukan sebegini. Ini selaras dengan slogan 1Malaysia yang dicanang oleh YAB Perdana Menteri Malaysia yang membawa aspirasi untuk memperbaiki hubungan bagi memastikan rakyat negara dapat menjalin hubungan yang lebih erat. Melalui sukanlah kita semua boleh mengatasi sempadan – sempadan yang wujud disebabkan faktor interaksi dan kesatuan yang lebih terbuka dan bebas.

Bagi pihak warga UMS, sememangnya inilah peluang dan ruang untuk berinteraksi dengan pihak organisasi luar dan adalah diharapkan warga UMS yang terlibat dapat menambah rakan dan kenalan. Maka itu juga, saya telah difahamkan bahawa konsep perbarisan kita pada malam ini tidak berdasarkan kontinjen tetapi berbaris mengikut jenis sukan yang dipertandingkan bersama pasukan-pasukan yang akan bertanding. Ini untuk menggalakkan pergaulan dan percampuran sesama kakitangan dari keempat-empat organisasi sekaligus mencapai objektif sukan ini. Begitu juga kaedah bagi penyertaan setiap pasukan yang melibatkan pelbagai peringkat umur dan gred jawatan dengan penyertaan disyaratkan mestilah melibatkan kakitangan senior, veteran dan vip. Adalah diharapkan objektif penganjuran kejohanan ini dapat dicapai dalam suasana harmoni dan ditambah dengan kegembiraan sambil bersukan. Maka itu sukacita saya menyarankan agar kejohanan ini dapat diadakan berterusan secara tahunan dan tuan rumahnya juga kita buka kepada mana – mana organisasi yang terlibat.

Saya juga mengambil kesempatan untuk menyeru kepada diri saya sendiri dan seluruh warga kerja keempat empat organisasi agar menanam kesedaran pentingnya bersukan untuk kesihatan diri. Sukan sememangnya berkait rapat dengan kesihatan , lebih kerap bersukan dan bersenam maka sudah tentulah keadaan kesihatan akan lebih baik sekaligus menghindarkan diri daripada pelbagai penyakit kronik seperti penyakit jantung, kencing manis, darah tinggi dan sebagainya yang boleh mengancam produktiviti warga kerja. Sesungguhnya, modal insan yang sihat dan cergas sahajalah yang mampu memberi sumbangan kepada negara. Maka itu, marilah kita semua bersama – sama terus mengaktifkan diri sama ada secara individu atau berkumpulan dalam apa juu aktiviti kecergasan, bukan hanya dalam kejohanan sukan sahaja tetapi menjadikannya sebagai amalan harian dalam menjaga serta meningkatkan lagi tahap kesihatan diri.

Akhir sekali saya mengambil kesempatan ini mengucapkan ribuan terima kasih dan setinggi tinggi penghargaan kepada seluruh warga kerja Jawatankuasa Pengelola yang diketuai oleh En. Abdullah Hj. Mohd Said, Pendaftar UMS yang telah bertungkus lumus menjayakan kejohanan ini. Bagi semua pasukan yang bertanding adalah diharapkan dapat membina dan mengukuhkan hubungan agar boleh mendatangkan manfaat kepada organisasi masing – masing. Kemenangan bukanlah menjadi matlamat utama namun perpaduan dan perasaan muhibbah menjadi keutamaan dalam memacu perkhidmatan warga kerja yang lebih baik. Tunjukkanlah semangat kesukunan yang tinggi dalam kita menyemai semangat kekeluargaan yang harmoni.

Selamat bertanding dan selamat maju jaya.

Sekian, terima kasih.